

11/10/2002

FBI bawa Ahmed pulang (HL)

Kadir Dikoh; Anida Salwani Abdul Hadi

KUALA LUMPUR, Khamis - Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmed Ibrahim Bilal hari ini dibawa pulang ke Amerika Syarikat oleh Biro Siasatan Persekutuan (FBI) selepas dia diserahkan oleh pihak berkuasa negara ini.

Pegawai Penerangan Kedutaan Besar Amerika, Frank Whitaker mengesahkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menyerahkan pelajar berusia 25 tahun itu kepada pihak berkuasa negaranya awal pagi ini, selepas berada dalam tahanan sejak Ahad lalu.

"Kami berterima kasih kepada Kerajaan Malaysia atas kerjasama dan bantuan bagi membolehkan dia dihantar pulang," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Ahmed Ibrahim, pelajar jurusan Ilmu Wahyu dan Warisan Islam di UIAM sejak Januari lalu dikehendaki FBI kerana didakwa ada kaitan dengan gerakan militan di Amerika.

Semalam, Mahkamah Tinggi di sini menolak permohonan Ahmed Ibrahim untuk mendapatkan perintah menangguhkan penghantaran pulanginya sehingga habeas corpusnya diputuskan.

Keputusan itu dibuat Hakim Datuk S Augustine Paul selepas mendapati Ketua Pengarah Imigresen mempunyai kuasa mengusir Ahmed Ibrahim kerana Kerajaan Amerika sudah membatalkan pasport antarabangsanya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak tanggapan kononnya Malaysia terpaksa menghantar pulang Ahmed Ibrahim kerana takut dituduh melindungi penganas.

Perdana Menteri berkata, tindakan menghantar pulang pelajar itu dibuat berdasarkan kehendak undang-undang negara ini kerana dia tidak memiliki dokumen perjalanan.

"Dengan itu, dia terpaksa meninggalkan negara ini. Kita buat mengikut undang-undang, bukan mengikut khabar angin atau pendapat umum. Jika undang-undang kata, terpaksa (dihantar pulang), maka kita tak boleh menyimpan seseorang tanpa dokumen," katanya selepas merasmikan seminar 'Belajar dari Korea: Mengekalkan Pertumbuhan Dalam Persekitaran Dinamik'.

Mengenai kemungkinan Kuala Lumpur menerima tekanan Washington untuk menghantar pulang rakyatnya itu dengan cepat, beliau berkata: "Saya tidak tahu, saya tidak tahu mengenai sebarang tekanan."

Beliau menjelaskan, kerajaan tidak dapat membantu pelajar itu kerana terpaksa bertindak mengikut keperluan perundangan negara ini dan terserah kepada mahkamah untuk tindakan selanjutnya.

"Kita tidak bercakap mengenai kesalahan, kita bercakap mengenai dia tidak ada dokumen," katanya.

Jabatan Imigresen mengeluarkan perintah mengusir Ahmed Ibrahim semalam kerana visanya tamat tempoh berikutan pembatalan pasportnya.

Perdana Menteri menegaskan, tidak timbul soal bekerjasama atau tidak dengan Amerika Syarikat berhubung kes itu kerana kerajaan mengambil tindakan mengikut undang-undang Malaysia.

"Kita menentang sebarang kegiatan keganasan di mana saja dan jika terpaksa bekerjasama dengan negara lain, kita akan berbuat demikian," katanya.

Beliau berkata, kerajaan akan bertindak terhadap sebarang kegiatan keganasan yang boleh mendatangkan bahaya kepada negara ini.

"Apa yang terjadi kepada warga Malaysia di negara lain, itu adalah tertakluk kepada undang-undang negara itu," katanya ketika ditanya

mengenai tangkapan terhadap beberapa rakyat Malaysia di Singapura sebelum ini.

Dalam perkembangan berkaitan, peguam Ahmed, Darshan Singh Khaira memfailkan habeas corpus di Mahkamah Tinggi Pulau Pinang untuk menghalang pelajar itu dibawa keluar dari negara ini sehingga kesnya selesai.

Hakim Datuk Mohd Noor Abdullah menetapkan 12 Oktober ini untuk memberi peluang kepadanya mengemukakan kenyataan membantah penghantaran pulang Ahmed Ibrahim.

Dalam faksnya ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur hari ini untuk menarik balik permohonan habeas corpus yang dibuat kelmarin, Darshan berkata beliau berbuat demikian atas arahan ibu bapa pelajar berkenaan.

Katanya, ibu bapa pelajar itu tidak lagi mempunyai kepercayaan dan keyakinan terhadap Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur yang mendengar kes berkenaan sebelum ini.

Darshan juga mendakwa, Ahmed Ibrahim diseksa oleh FBI selepas anak guamnya itu ditahan pihak berkuasa Malaysia dan beliau mempunyai maklumat mengenai seksaan ke atas pelajar itu.

Bagaimanapun, beliau tidak mendedahkan butir-butir lengkap mengenainya termasuk berapa ramai ejen yang menemui Ahmed Bilal dan bila ia berlaku.

"Oleh sebab itu, beliau tidak dibenarkan berjumpa dengan Ahmed Bilal," kata Darshan yang dipetik oleh agensi berita asing, Associated Press (AP).

"Beliau tidak akan dibicarakan secara adil ketika suasana anti-Islam berleluasa (di Amerika)," katanya yang menyifatkan tuduhan terhadap anak guamnya itu adalah berdasarkan 'histeria' dan 'syak wasangka negatif yang terlalu tebal' terhadap kumpulan Islam atau sesiapa yang berjambang dan berkopiah.